

SUK.D200(06)600/9/Jld.19(19)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2026

**PENAMBAHBAIKAN PERATURAN KERETA-KERETA RASMI,
KERETA KHAS JAWATAN DAN KERETA JABATAN KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

1. TUJUAN

Pekeliling perkhidmatan negeri ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 4/2026 mengenai Penambahbaikan Peraturan Kereta Rasmi, Kereta Khas Jawatan dan Kereta Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Surat Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2005 Peraturan-Peraturan Kereta Rasmi, Kereta Khas Jawatan Dan Kereta Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan telah menggariskan peraturan dan kelayakan penggunaan kenderaan jabatan yang telah berkuatkuasa mulai pada 17 Julai 2005.
- 2.2. Walau bagaimanapun, peruntukan sedia ada dalam Surat Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2005 masih berasaskan pendekatan senarai jawatan tertentu dan belum sepenuhnya mengambil kira perkembangan semasa dari aspek keperluan operasi, mobiliti tugas dan peranan strategik pegawai kanan dalam pelaksanaan dasar serta penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- 2.3. Sehubungan itu, penambahbaikan terhadap Surat Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2005 dilaksanakan bagi menyeragamkan kelayakan dan klasifikasi kenderaan supaya selaras dengan prinsip dan garis panduan yang terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 2 Tahun 2016 Pengurusan Kenderaan Kerajaan di samping mengambil kira keperluan dan konteks pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

3. PENAMBAHBAIKAN BAGI SURAT PEKELILING AM NEGERI KELANTAN BIL. 1 TAHUN 2005 BERKAITAN PERATURAN KERETA RASMI, KERETA KHAS JAWATAN DAN KERETA JABATAN

3.1. Perenggan 2.1(a) dalam Surat Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2005 Peraturan-Peraturan Kereta Rasmi, Kereta Khas Jawatan dan Kereta Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan daripada yang asal:

BIL	JENIS KENDERAAN	TAKRIFAN
1.	Kereta Rasmi	Kereta ini adalah diperuntukkan bagi kegunaan persendirian kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Ex-Officio dan Setiausaha Politik kepada Menteri Besar.

dan **dipinda** sebagaimana berikut:

BIL	JENIS KENDERAAN	TAKRIFAN
1.	Kereta Rasmi	Kereta Rasmi Jawatan ialah kereta rasmi yang diperuntukkan khas bagi kegunaan persendirian mengikut kelayakan jawatan kepada Anggota Pentadbiran Negeri, Speaker dan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Ex-Officio, Setiausaha Politik kepada Menteri Besar dan Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Gred Utama/Khas C dan ke atas atau yang setaraf.

3.2. Manakala perenggan 2.1(b) takrifan dan kelayakan pegawai bagi Kereta Khas kerana Jawatan daripada yang asal sebagaimana berikut:

BIL	JENIS KENDERAAN	TAKRIFAN
1.	Kereta Khas Kerana Jawatan	Kereta-kereta ini adalah diperuntukan bagi kegunaan pegawai-pegawai tertentu sahaja yang dibekalkan dengan kenderaan-kenderaan khas kerana jawatannya iaitu sebagaimana pegawai-pegawai yang disenaraikan di Lampiran A .

3.3. Pegawai yang disenaraikan dalam **Lampiran A** tersebut adalah sebagaimana berikut:

- a) YB SS Dato' Mufti Kerajaan Negeri
- b) YB SS Dato' Ketua Hakim Syarie
- c) YB Dato' Pengerusi SPN
- d) YABhg. Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
- e) YABhg. Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
- f) YABrs. Pengarah Tanah & Galian Negeri
- g) YABrs. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri
- h) YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
- i) YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri
- j) YABrs. Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
- k) YABhg Dato' Pengarah Jabatan Pertanian Negeri
- l) YABrs. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri
- m) YABrs. Ketua-Ketua Jajahan

dan dipinda sebagaimana berikut:

BIL	JENIS KENDERAAN	TAKRIFAN
1.	Kereta Khas Kerana Jawatan	Kereta-kereta ini adalah diperuntukkan bagi kegunaan pegawai-pegawai tertentu sahaja yang dibekalkan dengan kenderaan-kenderaan khas kerana jawatannya iaitu pegawai merupakan Ketua Jabatan/ Bahagian dan berada di gred hakiki 14 dan ke atas, atau menyandang di waran jawatan gred 14.

4. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling perkhidmatan ini, perenggan 2.1(a) dan 2.1(b) dalam Surat Pekeliling Am Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2005 Peraturan-Peraturan Kereta Rasmi, Kereta Khas Jawatan dan Kereta Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan adalah dibatalkan.

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **tarikh ia dikeluarkan.**

Sekian, terima kasih.

“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT”



DATO' HAJI AZI RAHIMEE BIN MOHAMED, D.P.S.K (Kelantan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

KELANTAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Bertarikh : **23** Syawal 1447H

12 April 2026